



Kementerian Pertanian Malaysia  
(Ministry of Agriculture Malaysia)  
Tingkat 4, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin, 50624 Kuala Lumpur  
Tel : 603-2693 8181  
Fax : 603-2691 5208  
Email : abimusa@agri.moa.my



Dato' Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor  
Ketua Setiausaha  
(Secretary General)

28 Januari 2004

KP/CP/402/2 Jld. 2 ( )

Semua Ketua Jabatan/  
Agensi/ Projek

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BIL 2 TAHUN 2004

### PERATURAN MENGENAI LAWATAN RASMI DAN PERSENDIRIAN KELUAR NEGERI

#### 1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan kepada warga Kementerian Pertanian berkenaan peraturan lawatan rasmi dan persendirian keluar negeri

#### 2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memberi kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian bagi meluluskan permohonan pegawaи-pegawai awam yang hendak melakukan lawatan keluar negeri samaada atas urusan rasmi atau persendirian iaitu seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bil 1 Tahun 1984 bertarikh 1 Mac 1984 dan pindaannya bertarikh 11 Jun 1986. Bagaimanapun sejak kebelakangan ini di dapat ada pegawai-pegawai telah membuat lawatan keluar negeri tanpa mendapat kelulusan untuk membuat lawatan dan juga cuti dari Ketua Setiausaha Kementerian.

#### 3. PERATURAN

Mulai dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan semua warga Kementerian Pertanian (termasuk Jabatan dan Agensi) hendaklah mematuhi peraturan berikut sekiranya handak membuat lawatan keluar negeri:

### **3.1. LAWATAN RASMI:**

Ketua Jabatan/ Agensi dan lain-lain pegawai hendaklah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha sebelum membuat lawatan rasmi keluar negeri, dengan mengisi borang Lampiran A kepada Surat Pekeliling Am Bil 1/1984 dan hendaklah mematuhi syarat-syarat Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2002.

Lawatan yang dibiayai oleh pihak swasta adalah tidak dibenarkan. Ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan bil.S/K.KEW/PK/PP/1100/ 000000/11/11/Jld 2 (12) bertarikh 24 Oktober 2001( Larangan Menerima Jemputan Daripada Syarikat Swasta Membuat Lawatan Keluar Negeri).

### **3.2. LAWATAN PERSENDIRIAN**

Ketua Jabatan dan Agensi hendaklah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian. Lain-lain pegawai perlu mendapat kelulusan dari Ketua Jabatan/ Agensi iaitu seperti Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil 9/1984 bertarikh 6 Julai 1984.

Permohonan kelulusan lawatan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan cuti rehat bagi tujuan berkenaan.

**4.** Semua permohonan yang memerlukan kelulusan Ketua Setiausaha hendaklah dihantar kepada Kementerian 2 minggu sebelum tarikh lawatan.

**5.** Arahan ini adalah berkuatkuasa pada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan. Y.Bhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan ini kepada kepada pegawai dan kakitangan di bawah seliaan Y.Bhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' ABI MUSA ASA'ARI BIN MOHAMED NOR)**  
Ketua Setiausaha